

Nama Suratkhbar : Sinar Harian (Segmen Konsumer)

Tarikh : Selasa, 18 Jun 2013

Mukasurat : 2



SELASA | 18 JUN 2013 www.sinarharian.com.my/rencana

KONSUMER

Memperkasa budaya membaca

TAHUKAH ANDA budaya membaca di negara ini masih berada di tahap rendah disebabkan faktor kos hidup tinggi dan harga buku yang mahal?

Ia merupakan perkara yang berkait rapat dengan suasana survival di mana Malaysia merupakan negara sedang membangun dan masyarakat perlu bekerja keras untuk menyediakan keperluan harian yang mana akhirnya kebanyakan mereka tiada wang lebih untuk membeli bahan bacaan yang juga mahal. Ada pula yang memiliki dua pekerjaan untuk menampung keperluan hidup dan sudah tentunya tiada masa untuk membaca. Waktu cuti mereka pula pastinya diisi dengan program santai bersama keluarga atau melenakan diri untuk mengumpul tenaga setelah penat bekerja.

Tuntutan hidup kini pula memerlukan kedua-dua suami isteri bekerja dan mereka tiada masa untuk mendidik anak supaya suka membaca sedangkan budaya membaca perlu diterapkan sejak dari kecil lagi.

Pengarah Urusan BookXcess, Adrew Yap berkata, melalui kajian beliau mendapati tahap membaca di kalangan orang Malaysia bergantung kepada pendapatan isi rumah. "Selagi pendapatan isi rumah rendah, maka tahap membaca juga akan rendah kerana galakan ke arah itu juga kurang. Ini kerana mereka tidak mampu memiliki banyak buku kerana mengutamakan perbelanjaan gaji mereka untuk keperluan rumah tangga dan kos pendidikan anak-anak," katanya.

Adrew berkata, anak-anak kurang terdedah dengan amalan membaca buku selain buku teks sekolah menjadikan mereka kurang berpengetahuan luas terhadap banyak perkara yang memberi pendedahan kepada dunia luar.

PERPUSTAKAAN TEMPATAN KURANG SEDIA BUKU TERKINI

Beliau berkata, institusi perpustakaan di negara kita juga masih belum berada di tahap yang mampu menarik minat, khususnya golongan

muda untuk membaca kerana buku yang terhidang juga lebih banyak bersifat 'berat'. "Membaca ini bukan bermaksud buku ilmiah sahaja, bacaan santai seperti majalah, novel juga mampu mendorong seseorang itu suka membaca namun perpustakaan kita kurang menyediakan bahan bacaan seperti itu. "Mengambil contoh perpustakaan di Singapura jauh berbeza kerana menyediakan bahan bacaan terkini. Kakitangan perpustakaan melakukan kajian buku atau novel terbaru, sekiranya mendapat sambutan hangat, maka lebih banyak kuantiti akan disediakan.

"Apabila buku itu sudah lagi tidak mendapat sambutan, mereka akan menjualnya dan setiap tahun perpustakaan Singapura akan mengadakan jualan runtuh buku-buku yang bukan terkini. Cara ini sedikit sebanyak dapat menjadikan rakyat Singapura lebih terbuka dan terkini yang perlu dicontohi negara kita," katanya.

Beliau berpendapat, selagi harga buku mahal, selagi itulah keadaan ini tidak akan membantu masyarakat kita jadi celik membaca. "Saya percaya dan melalui kajian yang telah dijalankan, sebarang usaha untuk mendidik masyarakat gemar membaca memang sukar untuk dicapai memandangkan khidmat sokongan lain juga masih berada di tahap kurang berbangsangkan," katanya.

Beliau berpendapat, selagi harga buku mahal, selagi itulah keadaan ini tidak akan membantu masyarakat kita jadi celik membaca. "Saya percaya dan melalui kajian yang telah dijalankan, sebarang usaha untuk mendidik masyarakat gemar membaca memang sukar untuk dicapai memandangkan khidmat sokongan lain juga masih berada di tahap kurang berbangsangkan," katanya.

SUMBANG JUAL BUKU MURAH

Sebagai masyarakat yang prihatin dan ingin membantu menyumbang ke arah budaya membaca, Adrew menubuhkan BookExcess bersama isteri pada 2006 meskipun terpaksa berdepan risiko

keranaimbang kedai bukunya tidak mendapat sambutan. "Kita tahu masyarakat kita kurang membaca. Saya dan isteri sendiri pun bukan seorang yang gemar membaca kerana sibuk bekerja dan juga bukan datang daripada latar belakang keluarga yang begitu tetapi saya nekad untuk melakukan kelainan pada 2009 dengan mengadakan jualan buku Big Bad Wolf dengan menawarkan diskaun bermula 75 hingga 95 peratus," katanya.

Jelasnya, tawaran Big Bad Wolf cukup istimewa kerana menyediakan banyak pilihan bacaan ilmiah sehinggalah bacaan santai terbitan dalam dan luar negara dengan harga yang begitu murah. "Big Bad Wolf pada 2009 yang diadakan sebanyak dua kali di Kuala Lumpur menawarkan 120,000 pada jualan pertama dan 230,000 buku untuk jualan kedua kemudian meningkat kepada 350,000 buku pada 2010.

Jelasnya, tawaran Big Bad Wolf cukup istimewa kerana menyediakan banyak pilihan bacaan ilmiah sehinggalah bacaan santai terbitan dalam dan luar negara dengan harga yang begitu murah. "Big Bad Wolf pada 2009 yang diadakan sebanyak dua kali di Kuala Lumpur menawarkan 120,000 pada jualan pertama dan 230,000 buku untuk jualan kedua kemudian meningkat kepada 350,000 buku pada 2010.

Jelasnya, tawaran Big Bad Wolf cukup istimewa kerana menyediakan banyak pilihan bacaan ilmiah sehinggalah bacaan santai terbitan dalam dan luar negara dengan harga yang begitu murah. "Big Bad Wolf pada 2009 yang diadakan sebanyak dua kali di Kuala Lumpur menawarkan 120,000 pada jualan pertama dan 230,000 buku untuk jualan kedua kemudian meningkat kepada 350,000 buku pada 2010.

Jelasnya, tawaran Big Bad Wolf cukup istimewa kerana menyediakan banyak pilihan bacaan ilmiah sehinggalah bacaan santai terbitan dalam dan luar negara dengan harga yang begitu murah. "Big Bad Wolf pada 2009 yang diadakan sebanyak dua kali di Kuala Lumpur menawarkan 120,000 pada jualan pertama dan 230,000 buku untuk jualan kedua kemudian meningkat kepada 350,000 buku pada 2010.

TARAF HIDUP, KEKANGAN, MASA PENGARUHI MINAT



Jualan 'lambak' buku-buku begini mendapat sambutan masyarakat pembaca.